

Hotel tidak pelka sijil halal?

Bukan satu keperluan antara punca pengusaha tidak mohon pensijilan halal

S.A 09/17/09 M/S 19.

SETAKAT 30 Jun tahun ini, hanya 170 dapur hotel mendapat pensijilan halal yang disahkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC). Perangkaan tersebut sebenarnya jauh lebih kecil berbanding lebih 2,000 hotel di Malaysia. Jika senario ini masih berterusan, hasrat Malaysia untuk meneraju industri halal dunia menjelang 2010 hanya 'angan-angan Mat Jenin'.

Iri pasti mengecewakan banyak pihak terutama HDC kerana peranannya dalam membangunkan menibangunkan industri halal dipandang ringan. Pensijilan itu bertujuan untuk memelihara integriti halal kerana hotel turut dilihat sebagai sebuah produk halal yang wajar dikomersialkan secara global.


Wartawan Sinar Harian, IWAN SHU-ASWAD SHUAIB mendapatkan penjelasan daripada persatuan-persatuan hotel berhubung isu pensijilan halal.

Presiden Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Datuk Mohd Ilyas Zainol Abidin mempersoalkan tumpuan HDC terhadap hotel berhubung pensijilan halal. Beliau berkata, sedangkan terdapat premis lain yang menyediakan makanan dan minuman perlu mendapatkan status halal.

"Banyak lagi restoran atau gerai yang dikunjungi pelanggan Muslim setiap hari, namun belum tentu semuanya mendapat pensijilan halal. Tumpuan seharusnya diberikan sama rata, dari warung paling kecil, restoran, premis makanan berjenama hingga hotel semua bintang," katanya.

Ketika ditanya mengenai penggunaan alkohol dalam hotel membataskan kelayakan permohonan, Mohd Ilyas berkata, bahan itu sekadar pilihan. Tiada masalah sekiranya pengusaha hotel mahu menjual alkohol, cuma tidak menggunakannya di dapur dalam penyediaan makanan dan minuman.

Beliau berkata, mereka tahu status halal merujuk kepada dapur hotel, tetapi mahukan panduan lengkap dan



● MOHD ILYAS ZAINOL ABIDIN



● SHAHARUDDIN M SAAID



● MOHAMAD NASIR HAMZAH

keseragaman dalam pensijilan halal.

"Ini membabitkan kerjasama HDC dan majlis-majlis agama negeri supaya menyelaraskan standard halal terhadap bahan-bahan secara menyeluruh. Jika tiada garis panduan yang lebih lengkap, sudah tentu pensijilan halal dianggap rumit menyebabkan mereka tidak berminat memohon," katanya.

Berhubung tiada syarat wajib terhadap pensijilan halal, beliau bersetuju dengan HDC kerana ia sepatutnya dilakukan secara sukarela, namun diberi galakan. Bagaimanapun, beliau tidak dinafikan pensijilan halal memberi kebaikan kepada usaha pengembangan perniagaan dan pembangunan industri.

Bila sudah disahkan halal, pelanggan terdiri daripada Muslim dan bukan Muslim sekaligus membolehkan pengusaha hotel meluaskan pasaran.

"Kami tidak minta kompromi, tetapi HDC perlu memberi kesedaran awam tentang kepentingan pensijilan halal," katanya.

Presiden Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MBHA), Datuk Dr Mohamad Nasir Hamzah pula berkata, peranan HDC menggalakkan pengusaha hotel mendapatkan pensijilan halal amat bertepatan.

"Ini termasuk hotel bajet kerana sekecil mana pun mereka, setiap pengusaha

seharusnya prihatian terhadap kesucian dan kebersihan. Kesedaran dan galakan itu juga bertujuan untuk menjelaskan kepada mereka bahawa pensijilan halal itu adalah sesuatu yang tidak menyulitkan," katanya.

Status halal bukan sahaja baik untuk penjenamaan dan industri, bahkan membantu usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat halal. Beliau berkata, sebahagian daripada hotel bajet sedia ada dikunjungi pelancong asing bukan Muslim, jadi tidak timbul persoalan sama ada halal atau tidak.

"Bukan semuanya menyediakan makanan kepada pengunjung iaitu kira-kira 70 peratus daripada jumlah keseluruhan tidak mempunyai dapur," katanya.

Sudah nama pun hotel bajet, jadi kelengkapan atau kemudahan amat terhad bagi mengurangkan kos termasuk bilangan bilik penginapan. Menurut Mohamad Nasir, pengunjung hanya datang untuk menginap dan sememangnya hanya kemudahan itu yang disediakan oleh hotel bajet.

"Jika tiada dapur atau perkhidmatan makanan, kenapa mereka perlu memohon pensijilan halal. Bukankah status itu merujuk kepada dapur hotel," soalnya.

Pengarah Eksekutif Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO), Shaharuddin M Saaid berkata, pensijilan halal adalah salah

satu cara bagi meyakinkan pelanggan yang mahukan produk dan perkhidmatan halal. Langkah itu turut membantu menaikkan imej Malaysia sebagai negara Islam di samping memudahkan pengembangan pasaran secara meluas.

Beliau berkata, ia juga memudahkan pengusaha hotel mendapatkan peluang perniagaan terutama daripada kerajaan.

"Ini merangkumi geran dan projek yang bukan calang-calang kerana mampu menjana pendapatan tinggi. Pun begitu, pengusaha hotel perlu memenuhi beberapa kriteria yang sudah ditetapkan, antaranya adalah status halal," katanya.

Namun, masih ramai kurang faham mengenai potensi pensijilan halal, malah disalah anggap bahawa status itu merujuk kepada hotel secara menyeluruh. Kebanyakan hotel di negara ini menyediakan makanan halal, tetapi turut menawarkan minuman keras kepada pelanggan berdasarkan permintaan.

Wujud kekeliruan banyak pihak terhadap status halal dari segi jaminan dan ketelusan, sedikit-sebanyak memberi impak kepada industri.

"Oleh itu, kami sebelum ini meminta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) supaya mengenakan pensijilan halal ke atas dapur hotel," katanya.

Walaupun bilangan kelulusan adalah kecil, namun sebenarnya banyak permohonan sudah dibuat kepada JAKIM termasuk HDC. Timbul cakap-cakap bahawa segelintir pengusaha hotel menganggap pensijilan halal hanya memberikan beban. Bagaimanapun, beliau menolak dakwaan itu kerana mereka melihat perkara itu bukan satu keperluan.

"Ini berdasarkan faktor pasaran dan konsep perniagaan kerana ada antaranya mensasarkan pelanggan bukan muslim. Jika mereka menyediakan makanan tidak halal dan minuman beralkohol, jadi buat apa perlu memohon pensijilan halal," katanya.